

JPS laksana jadual catuan air hadapi kemarau

KUALA LUMPUR 8 Feb. - Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) akan melaksanakan jadual catuan air untuk tujuan pengaliran tidak lama lagi sebagai persediaan awal menghadapi musim kemarau yang dijangka melanda negara ini pada bulan depan.

Ketua pengarahnya, Datuk Ir. Keizrul Abdullah berkata JPS telah memulakan langkah menjimatkan air kerana pihaknya banyak menggunakan air untuk sistem pengaliran iaitu 70 peratus daripada air yang digunakan di negara ini.

"Walaupun empangan di negara ini dipenuhi air ketika ini, ia bukanlah alasan untuk pengguna tidak menggunakan air secara berhemah dalam kehidupan seharian mereka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan 75 tahun jabatan itu.

Sebelum ini, seorang pakar kaji cuaca, Profesor Dr. Khairulmaini Osman Salleh dari Pusat Hal Ehwal Cuaca Universiti Malaya (UM) meramalkan Malaysia akan menghadapi musim kemarau terburuk dalam sejarah bermula bulan depan hingga Ogos ini berikutan fenomena cuaca El-Nino yang muncul selepas 10 tahun.
